

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING
(PENAMPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 15.06.2015

Y.B. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada caj 'biasa' antara 1% hingga 1.5% ke atas kuantum kad kredit yang dikenakan oleh sesetengah penjual ke atas mana-mana pembelian yang menggunakan kad kredit adalah sah di sisi undang-undang ataupun tidak dan apakah tindakan yang bakal dikenakan ke atas penjual yang mengenakan caj tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Peniaga-peniaga dilarang mengenakan caj kad kredit tambahan (*surcharge*) kepada pelanggan mereka ke atas barangan yang dibeli menggunakan kad kredit. Larangan pengenaan caj tambahan berikut terkandung di dalam peraturan syarikat penjenama kad (*card brands*), seperti MasterCard Worldwide dan Visa International serta di dalam syarat perjanjian di antara peniaga dan institusi pemeroleh peniaga (*merchant acquirer*).

Pemegang kad kredit berhak memaklumkan institusi pemeroleh atau pengeluar kad kredit yang berkenaan mengenai pengenaan caj tambahan dengan mengemukakan bukti iaitu resit pembayaran yang menyatakan jumlah caj tambahan supaya perkara tersebut dapat disiasat dan tindakan yang sewajarnya boleh diambil oleh institusi pemeroleh peniaga ke atas peniaga yang berkenaan.